

# KL, Dublin setuju inisiatif kerjasama

PUTRAJAYA: Malaysia dan Ireland semalam bersetuju mempromosikan program pertukaran belia antara kedua-dua negara, termasuk dalam bidang pendidikan dan kerjasama dalam Pembangunan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT).

Ia adalah antara hasil perbincangan sejam di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya dari Ireland, Bertie Ahern, di sini.

Seorang pembantu di Pejabat Perdana Menteri, berkata kedua-dua pemimpin juga membincangkan, kemungkinan bertukar maklumat dan pengalaman dalam Pembangunan pertanian serta penyelidikan dan Pembangunan.

"Perdana Menteri kita berkata, Ireland boleh melakukan penyelidikan dalam bioteknologi dan biopeperubatan di Malaysia," katanya.'

Ahern melakukan lawatan singkat ke Malaysia selepas menghadiri Si-

dang Kemuncak Asia-Eropah di Hanoi, Abdullah mewakili Malaysia pada mesyuarat itu.

Mengenai kerjasama ICT antara kedua-dua negara, beliau berkata, Ahern menyatakan bahawa Ireland adalah pusat pengeluar perisian terbesar di dunia.

Beliau berkata, Abdullah mengambil peluang itu untuk menjelaskan konsep Islam Hadhari, yang antara lain mempromosikan toleransi kepada tetamunya itu.

Kedua-dua pemimpin, katanya, turut membincangkan mengenai Asean, kumpulan 10 negara di Asia Tenggara yang menurut Ahern menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau.

Ahern yang kagum dengan apa yang disaksikannya di Malaysia, menyifatkan negara ini berada pada landasan yang betul untuk mencapai matlamatnya menjadi negara maju, kata pembantu berkenaan. - Bernama



**PERDANA MENTERI** menyambut ketibaan Ahern yang mengunjungi beliau di Putrajaya, semalam.